

Aspirasi TN50 dalam Bajet 2018

Oleh SYUKRI SHAARI
Pengarang@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 4 SEPT.

DATUK Seri Najib Tun Razak berkata, perubahan yang ingin dilakukan untuk pembangunan dan kemajuan sesebuah negara tidak boleh ditangguhkan dan perlu bermula dari sekarang. Berikut itu, Perdana Menteri menjelaskan, aspirasi program Transformasi Nasional 2050 (TN50) akan bermula pada pembentangan Bajet 2018, Oktober ini.

Beliau berkata, pembentangan bajet itu juga akan meliputi elemen-elemen yang telah dikumpulkan ketika proses Dialog TN50 diadakan di seluruh negara.

"Kita tidak akan tunggu sehingga 2050 tetapi bermula pada pembentangan bajet akan datang, yang akan meliputi elemen-elemen yang dikumpulkan sepanjang proses Dialog TN50, ini komitmen kita."

"Kita mahu buat perubahan untuk masa akan datang, perlu bermula sekarang kerana ada aspek tertentu memerlukan tempoh hingga 30 tahun, membaikkan perubahan generasi. Seperti bidang pendidikan, kena tunggu dua, tiga generasi baharu boleh nampak hasilnya daripada perubahan yang dibuat hari ini," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menghadiri Dialog TN50 dan Sidang Kemuncak Perdagangan Global Wanita bersamaan Hari Wanita Kebangsaan 2017 di sini, hari ini.

Yang turut hadir ialah isteri Perdana Menteri, Datin Seri Rosmah Mansor; Menteri Pembang-



NAJIB TUN RAZAK bersama moderator Rohani Abdul Karim dalam majlis sambutan Hari Wanita Kebangsaan dan Dialog TN50 2017 di Hotel Berjaya Times Square, Kuala Lumpur, semalam. - UTUSAN/NASIRRUDDIN YAZID

ngunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Rohani Abdul Karim serta timbalannya, Datuk Azizah Mohd. Dun dan Timbalan Menteri Pelancongan dan Kebudayaan, Datuk Mas Ernizayati Samsudin.

Perdana Menteri ketika berucap juga memberitahu, beliau akan mengumumkan beberapa perkara mengenai pembangunan wanita pada pembentangan bajet akan datang.

Dalam pada itu, Najib mengingatkan orang ramai supaya tidak mudah percaya dengan momokan piyah pembangkang konon-

nya mahu menghapuskannya cukai barang dan perkhidmatan (GST) sekiranya mentadbir negara.

Hal ini kerana, katanya, GST menyumbang sejumlah besar kepada pendapatan negara sehingga membolehkan kerajaan melaksanakan pelbagai program termasuklah untuk golongan wanita.

"Kalau tolak RM42 bilion daripada hasil negara, tida apakah boleh dilakukan, sedangkan daripada sumber itulah pelbagai program kementerian boleh dilaksanakan."

"Saya tidak bergurau, saya tidak menipu, saya Menteri Ke-

wangan, saya tahu, tolak RM42 bilion daripada hasil pendapatan negara, kerajaan jadi kurang fungsi, jangan percaya pembangkang, banyak tipu," jelas beliau.

Perdana Menteri menambah, pengurusan belanjawan negara sama juga prinsipnya dengan rumah tangga, iaitu berdasarkan beberapa banyak wang yang ada untuk dibelanjakan.

"Saya sebagai Perdana Menteri kalau saya cakap, mestilah boleh ko-tak. Saya tidak akan beritahu sesuatu untuk sedapkan hati, telinga tetapi tahu apa yang tidak mampu dilakukan," ujar beliau.